

Newspaper	BERITA HARIAN
Date	01 DECEMBER 2016

PEMUDA

Dr M amal seni politik 'sapu sahaja – janji boleh'

BH-1/12/2016

Ketua Pemuda UMNO Khairy Jamaluddin menyifatkan Tun Dr Mahathir Mohamad sebagai musuh politik yang mengamalkan seni politik 'sapu sahaja – janji boleh' dan tiada setiakawan.

Katanya, bekas Perdana Menteri itu mengamalkan seni politik seperti tokoh politik Itali, Niccolo Machiavelli yang tiada pegangan nilai atau makna.

"Yang bertopengkan rakyat tetapi bermatlamatkan kuasa," ka-

tanya ketika menyampaikan ucapan dasar pada Perhimpunan Agung Pemuda UMNO di Pusat Dagangan Dunia Putra (PWTC) di sini, semalam.

Beliau berkata, Dr Mahathir ketika ini mempunyai pendirian yang cukup berbeza berbanding ketika beliau masih berjawatan.

"Jangan kita lupa, jangan kita biar rakyat lupa bahawa perjuangan yang kononnya mulia oleh bekas pemimpin kita ini sebenar-

nya sebuah wayang dan muslihat. "Sebuah hipokrasi mengejar takhta, membina legasi dan empayar," katanya.

Pada perhimpunan yang dihadiri 990 perwakilan itu, Khairy turut menayangkan beberapa klip video yang menunjukkan perbezaan pendirian Dr Mahathir ketika berjawatan berbanding sekarang, antaranya hubungan Dr Mahathir dengan Ketua Umum PKR, Datuk Seri Anwar Ibrahim dan pendi-

riannya terhadap perhimpunan jalanan.

Beliau turut menyampaikan sebuah puisi mengenai *Melayu Mudadah Lupa* yang ditujukan kepada Dr Mahathir.

Katanya, jasa Dr Mahathir akan sentiasa dikenang Pemuda UMNO namun pengkhianatan dan pembelotan beliau akan ditentang bermati-matian.

Khairy turut menyelar perhimpunan BERSIH 5.0 yang katanya buk-

ti paling jelas menunjukkan betapa himpunan itu sekadar kemaruk kuasa sehingga menerima kehadiran Dr Mahathir yang dahulunya melarang sebarang perhimpunan jalanan sewaktu beliau berkuasa.

"Bagi Dr Mahathir, gerakan jalanan yang satu ketika dahulu beliau musnahkan dengan tindakan FRU, ISA dan kuku besi, hari ini disokong dan disanjung sebagai suara rakyat yang sebenar," kata beliau.

BERNAMA